

MASYARAKAT ISLAM GEMILANG PEMBAWA RAHMAT

Dr Hjh Ummi Fa'izah binti Hj Abdul Rahman
Negara Brunei Darussalam

1.0 PENDAHULUAN

Masyarakat dalam konteks Islam ialah gabungan manusia yang diwujudkan atas ikatan syariah rabbani yang bermatlamatkan kehidupan yang sejahtera serta aman damai. Masyarakat Islam juga merangkumi keseluruhan hubungan kemasyarakatan yang saling berkait antara satu sama lain. Oleh itu, masyarakat Islam ialah kelompok manusia yang beragama Islam, mengamalkan ajaran Islam dan saling berkaitan antara satu sama lain. Masyarakat Islam yang pertama ialah masyarakat yang didirikan oleh Rasulullah s.a.w. dan para sahabat di Madinah. Umat Islam yang berada di bawah kepemimpinan Nabi Muhammad s.a.w. telah melaksanakan tugas yang berlandaskan nilai-nilai Islam dengan cekal, gigih dan jujur sehingga berjaya membentuk sebuah masyarakat yang ideal dan menjadi contoh bagi masyarakat Islam selepasnya.

Walaupun masyarakat Islam terdiri daripada pelbagai kelompok manusia seumpama lelaki, perempuan, bersuku-suku dan berbangsa-bangsa, namun perbezaan ini tidak menyekat masyarakat Islam daripada mengenali atau berinteraksi antara satu sama lain. Uniknya, masyarakat Islam dari segi definisinya bukanlah kerana perbezaan warna, kulit, bangsa, bahasa dan negara, tetapi sejauhmana masyarakat itu tunduk dan patuh kepada Allah s.w.t Ketakwaanlah yang menjadi ukuran penting dalam menentukan konsep masyarakat Islam.

2.0 ASAS-ASAS PEMBINAAN MASYARAKAT ISLAM

Dalam mengukuhkan pembinaan masyarakat Islam, Al-Qur'an dan al-Sunnah telah meletakkan asas-asas yang kukuh dalam pembentukan kehidupan masyarakat Islam. Berikut adalah asas-asas yang membentuk masyarakat Islam:

2.1 Akidah Islam

Asas utama pembentukan masyarakat Islam adalah untuk memelihara, menjaga dan menegakkan akidah Islam. Akidah tauhid amat penting untuk membebaskan manusia daripada belenggu khurafat yang boleh membawa kemunduran iaitu kepercayaan karut-marut yang tidak berdasarkan akal rasional. Akidah tauhid juga akan membebaskan manusia daripada belenggu modenisme yang menafikan kewujudan Tuhan sehingga membawa kehancuran akhlak manusia dan sistem nilai.

2.2 Tolong-menolong dalam kebajikan dan makruf

Masyarakat Islam mesti bekerjasama untuk kebaikan dan tidak bekerjasama untuk melakukan dosa dan perbuatan keji. Sepertimana firman Allah SWT. yang bermaksud:

Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa dan janganlah tolong-menolong dalam berbuat dosa dan perlenggaran. (Surah al-Maidah: 2)

Firman Allah SWT lagi yang bermaksud:

Jangan kamu berbuat kejahanan di permukaan bumi sesudah ia menjadi baik.

(Surah al-A'raf: 56)

2.3 Bersatu padu sesama manusia adalah ibadat yang mulia

Masyarakat Islam menekankan aspek bersatu padu sebagai satu bentuk ibadat yang dituntut dalam Islam. Bersatu padu dalam masyarakat setentunya mempunyai hikmah dan kebaikannya tersendiri. Firman Allah SWT yang bermaksud:

Mereka ditimpah kehinaan di mana sahaja mereka berada kecuali jika mereka berpegang pada tali (ad-Din) Allah dan tali (perjanjian) dengan manusia (Surah al-Imran: 112).

Ketiga-ketiga asas di atas adalah dasar utama pembentukan kehidupan masyarakat Islam.

3.0 HAK DALAM MASYARAKAT ISLAM

Di samping memahami konsep dan asas-asas pembentukan masyarakat Islam, hak masyarakat Islam juga wujud. Antara hak dalam Islam adalah seperti yang tertera di bawah:

3.1 Hak individu

Setiap individu berperanan dan bertanggungjawab menjaga diri sendiri dari segi jasmani dan rohani. Kesihatan rohani dan jasmani amat penting dalam pembinaan individu yang sihat dan sejahtera. Perkara-perkara yang merosakkan diri seperti minum arak dan makan benda yang haram harus dielakkan sesuai dengan firman Allah SWT yang bermaksud: *Dan janganlah kamu mencampakkan diri kamu ke dalam kebinasan.*(Surah al-Baqarah: 195)

3.2 Hak keluarga

Setiap ahli keluarga perlu bertanggungjawab terhadap keluarganya dengan menyediakan keperluan asas seperti makanan, minuman dan tempat tinggal yang selesa. Malah, hak keluarga juga termasuk peranan ibu bapa memberi pendidikan Islam yang sempurna kepada anak-anak agar ahli keluarganya tunduk kepada Allah sebagaimana firman Allah SWT. yang bermaksud:

Wahai orang yang beriman jagalah diri kamu serta ahli keluarga kamu daripada api neraka. (Surah al-Tahrim: 6)

3.3 Hak untuk hidup

Nyawa adalah sesuatu yang mulia dalam Islam dan setiap individu dalam masyarakat harus menghormati dan menghargai nyawa manusia. Malah syariah Islam memberi keutamaan dalam memelihara nyawa manusia sepetimana tercatat dalam firman Allah SWT. yang bermaksud:

Sesiapa yang membunuh manusia tanpa alasan yang membolehkan dia membunuh orang itu atau kerana melakukan kerosakan di muka bumi maka seolah-olah dia telah membunuh manusia kesemuanya dan sesiapa yang menjaga keselamatan hidup seorang manusia maka seolah-olah dia telah menjaga keselamatan hidup manusia keseluruhannya (Surah al-Maidah: 32)

3.5 Menjaga maruah dan peribadi

Islam melarang setiap ahli masyarakat terlibat dalam perbuatan menjatuhkan maruah peribadi seseorang insan. Maruah dan peribadi adalah suatu nilai yang sangat mulia dalam Islam. Orang yang bermaruah dan berperibadi tinggi tidak akan melakukan perbuatan mencari kesalahan atau keburukan orang lain sehingga mencemarkan maruah dan peribadi orang itu. Malah, Allah SWT. telah berfirman yang bermaksud: *Dan janganlah sesetengah daripada kamu menyatakan keaiban sesetengah yang lain dan janganlah pula kamu memanggil antara satu dengan yang lain dengan panggilan yang buruk* (Surah al-Hujurat: 11)

3.6 Kebebasan berfikir dan menyatakan pendapat

Setiap individu bebas berfikir dan menyuarakan pendapat untuk menyatakan pandangan peribadi mereka. Namun begitu, kebebasan ini tidak boleh melanggar ketetapan syariah seumpama menyebarkan fitnah dan khabar buruk tentang seseorang yang tidak disukainya.

3.7 Hak sama rata

Setiap manusia berhak untuk mendapatkan layanan yang sama rata tanpa mengira bangsa dan keturunan. Malah, semua orang adalah sama di sisi Allah SWT. Firman Allah SWT. yang bermaksud: *Bagi mereka masing-masing (daripada jin dan manusia yang berbuat baik dan jahat) disediakan pelbagai peringkat pembalasan yang sesuai dengan apa yang telah mereka kerjakan* (Surah al-Ahqaf: 19)

3.8 Hak keadilan dan kehakiman

Tiada perbezaan kelas dalam perundangan Islam kerana setiap orang berhak mendapatkan pengadilan dan kehakiman untuk dirinya daripada penindasan dan penganiayaan. Pihak pemerintah bertanggungjawab untuk memastikan setiap rakyat mendapat hak pengadilan yang saksama.

3.9 Menegakkan makruf dan mencegah mungkar

Usaha menegakkan kebaikan dan mencegah keburukan adalah tanggungjawab setiap individu yang perlu dilakukan secara bersama-sama.

3.10 Hak pendidikan

Setiap manusia mempunyai hak untuk menuntut ilmu. Islam mewajibkan setiap Muslim, baik lelaki atau perempuan menuntut ilmu pengetahuan. Pemerintah juga wajib menyediakan kemudahan asas untuk masyarakatnya menuntut ilmu. Sabda Nabi Muhammad s.a.w.: *Menuntut ilmu itu adalah kewajiban bagi setiap Muslim dan Muslimat.*(HR. Ibn Majah, al Baihaqi, Ibn Abd al-Barr)

4.0 BALASAN BAGI MASYARAKAT ISLAM YANG GEMILANG DALAM AL-QURAN

Di dalam Al Qur'an telah dijelaskan bahwa kemakmuran dan keadilan akan diperoleh suatu bangsa apabila mereka beriman dan bertaqwa kepada Allah SWT. Kemakmuran merupakan sebuah anugerah dan keberkahan dari Allah SWT.

"Jikalau seandainya penduduk negeri-negeri beriman dan bertaqwa, pastilah Kami akan melimpahkan kepada mereka berkah dari langit dan bumi, tetapi mereka mendustakan (ayat-ayat Kami) itu, maka Kami seksa mereka disebabkan perbuatannya." (QS Al A'raf (7):96)

Hikmah ayat ini dijelaskan Sayyid Quthb dalam Fi Zhilaali Al Qur'an, iaitu seandainya penduduk suatu negeri benar-benar beriman untuk menggantikan sikap mendustakan ajaran-ajaran Allah dan bertaqwa untuk menggantikan sikap fasik mereka, nescaya Allah akan membuka pintu-pintu berkah dari langit dan bumi. Jadi, iman dan taqwa tidak terlepas dari realiti kehidupan bermasyarakat. Seberapa banyak dan berkah rezeki seseorang sangat tergantung pada keimanan dan ketaqwaan seseorang. Semakin baik keimanan seseorang dan ketaqwaannya semakin banyak dan berkah rezekinya. Selain itu juga, Al Qur'an telah menjelaskan kisah kaum Saba' dan nikmat-nikmat Allah yang dilimpahkan kepada mereka, lalu mereka mengingkarinya. Balasan bagi mereka adalah kehancuran dan dicabutnya kembali nikmat-nikmat itu. Negeri yang subur makmur berubah menjadi hancur lebur kerana mereka kufur. Difirmankan oleh Allah SWT dalam surat Saba' (34) ayat 15-17: 6

"Sesungguhnya bagi kaum Saba' ada tanda (kekuasaan Tuhan) di tempat kediaman mereka yaitu dua buah kebun di sebelah kiri (kepada mereka dikatakan): "Makanlah olehmu dari rezeki yang (dianugerahkan) Tuhanmu dan bersyukurlah kamu kepada-Nya. (Negerimu) adalah negeri yang baik dan (Tuhanmu) adalah Tuhan Yang Maha Pengampun." Tetapi mereka berpaling, maka Kami datangkan kepada mereka banjir yang besar dan Kami ganti dengan kedua kebun mereka dengan dua kebun yang ditumbuhi (pohon-pohon) yang berbuah pahit, pohon Atsl dan sedikit dari pohon Sidr. Demikianlah Kami member balasan kepada mereka karena kekafiran mereka. Dan Kami tidak menjatuhkan azab (yang demikian itu), melainkan hanya kepada orang-orang yang sangat kafir." Menurut tafsir Ibn Katsir, ayat ini menceritakan tentang kaum Saba' yang hidup dalam keadaan mewah, subur dengan tanaman sebagai sumber kekayaan mereka. Kaum Saba didatangi para nabi untuk mengingatkan mereka untuk bersyukur. Namun mereka ingar, lalu Alah turunkan azab kepada mereka disebabkan keingkaran mereka.

Secara kesimpulannya, untuk menuju kemakmuran dan mendapatkan rahmat daripada Allah SWT adalah dengan beriman dan bertaqwa kepada Allah SWT.

5.0 MASYARAKAT ISLAM GEMILANG PEMBAWA RAHMAT

Sorotan sejarah Islam telah menunjukkan yang agama Islam telah banyak membentuk masyarakat Islam yang gemilang tanpa mengira kaum dan suku. Jika sebelum masyarakat jahiliah mempunyai semangat asabiah terhadap kabilah dan suku masing-masing, akan tetapi Islam telah mengikat hubungan sesama mereka dengan ikatan aqidah Islam. Konsep ikatan persaudaraan seaqidah menitikberatkan konsep persamaan taraf disisi Allah. Selain itu juga, kejayaan masyarakat Islam yang pertama dalam sejarah Islam ialah penggubalan dokumen perlembagaan negara secara bertulis yang pertama iaitu Perlembagaan Madinah. Melalui perlembagaan ini, Rasulullah SAW berjaya menunjukkan cara pemerintahan Islam yang lengkap sebagai sebuah negara yang aman lagi harmoni, selamat lagi sejahtera, makmur lagi bahagia berpandukan kepada hukum Allah SWT.

Perlembagaan Madinah yang mengandungi 47 Fasal mempunyai enam prinsip utama yang menjadi asas kukuh negara Madinah, iaitu Kedaulatan Undang-Undang, Kebebasan, Persamaan, Keadilan, Kesatuan dan Syura telah banyak menyumbang dalam keharmonian masyarakat Islam. Kejayaan masyarakat Islam pertama di Madinah ini berjaya dikenalkan dan diwarisi oleh pemerintahan Islam hingga ke zaman Turki Uthmaniah. Masyarakat Islam di kesemua Negara-negara Islam yang ada ketika itu menjadi sebuah tamadun yang hebat dan dikagumi oleh dunia termasuklah pihak Barat. Kecemerlangan tamadun Islam ketika itu setentunya mengundang rahmat dari Allah SWT dalam pelbagai bentuk. Antara ciri-ciri kegemilangan Islam pada zaman itu adalah seperti berikut :

- a) Keimanan yang tinggi
- b) Bersatu-padu
- c) Dorongan daripada semangat Iqra' (membaca)
- d) Ilmu berasaskan tauhid
- e) Panduan al-Quran dan Sunnah dalam segala aspek kehidupan

Kenyataannya, Islam itu sendiri merupakan sebuah agama yang menganjurkan umatnya agar bersifat rahmah. Rahmah yang berasal dari kata dasar ‘rahima-yarhamu-rahmah’ juga bererti kasih sayang dan disebut berulang kali di dalam al-Quran. Bahkan Allah SWT sendiri menyifatkan diri-Nya dengan sifat rahmah. Merujuk kepada kitab Mu’jam alMufahras li Alfaz al-Quran al-Karim, perkataan rahmah telah disebut sebanyak 142 kali di dalam al-Quran (Muhammad Fuad Abd al-Baqi 2001). Hal ini menunjukkan betapa Allah sangat menitikberatkan sifat rahmah atau pun kasih sayang di dalam diri umat Islam. Firman Allah SWT dalam surah al-An'am 6 ayat 12 yang bermaksud:

“Katakanlah, kepunyaan siapakah apa yang ada di langit dan di bumi? Katakanlah: Kepunyaan Allah. Dia telah menetapkan atas diri-Nya kasih sayang. Dia sungguh-sungguh akan menghimpun kamu pada hari kiamat, yang tidak ada keraguan terhadapnya. Orang-orang yang merugikan dirinya, mereka itu tidak beriman.”

Allah menyifatkan diri-Nya dengan sifat rahmah atau kasih sayang kepada semua hamba-Nya dalam ayat tersebut. Sudah semestinya Allah menuntut agar manusia yang merupakan hamba-Nya menyemai sifat ini ke dalam diri mereka. Islam yang dibawa oleh Rasulullah SAW mengatur hidup manusia dan mengawal hubungan antara sesama manusia serta hidupan lain di bumi agar tidak wujud pertelingkahan sesama mereka. Selain itu, Islam juga mengajar bagaimana seharusnya seorang manusia itu melayani atau berhadapan dengan manusia yang lain dengan penuh hikmah dan kasih sayang supaya kebaikan dapat disebarluaskan. Terdapat sebuah hadis yang menggambarkan akan luasnya rahmah Allah sehingga satu peratus daripada rahmah yang dimiliki oleh Allah itu dapat dibahagikan di antara makhluk-makhluknya di bumi. Hadis diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a, Nabi SAW bersabda yang bermaksud: Dari Abu Hurairah, dari Nabi SAW bersabda “Sesungguhnya Allah mempunyai seratus rahmah. Allah hanya menurunkan satu rahmah untuk dibahagikan di antara jin dan manusia serta semua binatang. Maka dengan sebab satu itulah mereka saling mengasihi dan berkasihi sayang, dan dengan sebabnya binatang buas mengasihi anaknya. Dan Allah menunda (pemberian) sembilan

puluh sembilan rahmah lagi yang akan mengasihi hamba-hamba-Nya pada hari Kiamat" (Hadis riwayat Muslim, no. 2752). Berdasarkan ayat al-Quran dan hadis yang telah dikemukakan menunjukkan bahawa rahmah adalah merupakan aspek penting di dalam Islam dan dikaitkan dengan sifat Allah yang diberikan kepada makhluk-Nya termasuk kepada binatang.

Definisi rahmat dalam Kamus Dewan (2012) bermaksud belas kasihan, kurnia, berkat, bahagia, kelebihan, hikmah, faedah, dan kegunaan. Ibnu faris (2001) di dalam Mu'jam Maqayis Al-Lughah, menjelaskan bahawa kata dasar rahmat membawa maksud kelembutan hati, belas kasihan, dan kehalusan. Al-Ashfahani (2009) di dalam Mufradat AlFaz Al-Quran, pula menyebutkan bahawa rahmat adalah belas kasih yang menuntut kepada kebaikan kepada yang dirahmati. Selari dengan Al-Asfahani adalah Ibnu Manzur (2000) di dalam Lisanul Arab menyebutkan bahawa orang Arab membezakan antara rahmat yang disandarkan kepada anak cucu Adam a.s dengan yang disandarkan kepada Allah. Rahmat yang disandarkan kepada manusia adalah kelembutan hati dan belas kasihan, sedangkan kata rahmat yang disandarkan kepada Allah SWT adalah belas kasihan, kebaikan dan rezekiNya. Di dalam Mu'jam Al-Wajiz Li Al-Faz Al-Quran Al-Karim (1997), dijelaskan rahmat daripada Allah SWT adalah kebaikan dan pertolongan yang banyak di datangkan di dalam al-Quran juga dikaitkan dengan makna ihsan, keuntungan dan pertolongan serta pengampunan. Rahmat iaitu kasih sayang Allah SWT amat penting kerana ia adalah penentu masuk atau tidaknya seseorang ke dalam syurga, walaupun seseorang itu melakukan ibadah sebanyak mungkin tetapi tidak mampu menandingi rahmat Allah ke atas makhluk-Nya (Hariis, 1974). Penggunaan kata rahmat ini selalu dihubungkan dengan Tuhan dan manusia. Secara umum rahmat dapat dertiakan sebagai segala macam pemberian Allah kepada manusia sebagai tanda kasih sayang Allah kepada manusia itu dan sebagainya (Ali Imran, 1996). Berdasarkan maksud yang telah dikumpulkan ini menunjukkan rahmat adalah kasih sayang yang Allah kurniakan kepada hamba-Nya sebagai nikmat di dunia dan di akhirat kelak.

Dalam al-Quran, kata rahmat disebutkan sebanyak 145 kali. Kesemuanya mempunyai beragam makna sesuai dengan konteks pembicaraannya. Setidaknya tidak kurang dari 14 makna bagi rahmat diantaranya membawa maksud agama Islam, syurga, nikmat, al-Quran, rezeki, pertolongan, kesehatan, kasih sayang dan juga hidayah. Selain itu, konsep rahmah dalam Islam juga mempunyai maksud dan pendekatan yang bersetujuan dengan kategori sama ada kepada Muslim atau kepada bukan Muslim. Malah pendekatan terhadap makhluk binatang juga mempunyai pendekatan rahmah yang menzahirkan Islam sebagai agama yang menyebarluaskan kasih sayang dan keamanan di atas muka bumi ini.

Perbincangan sebelum ini menjelaskan bahawa masyarakat Islam yang bertaqwah akan diberi balasan sesuai dengan keimanan dan ketaqwaan mereka seperti mana yang terdapat dalam al-Qur'an. Bahkan kecemerlangan sesebuah masyarakat Islam itu sangat tergantung kepada keimanan mereka kepada Allah SWT. Dalam al-Quran juga dijelaskan, rahmat membawa maksud limpahan rezeki, hidayah, kesehatan daripada Allah SWT. Justeru itu, kecemerlangan masyarakat Islam pasti mengundang rahmat dari Allah SWT sepetimana yang pernah terjadi dalam lipatan sejarah Islam.

6.0 FAKTOR YANG MENJAGA DAYA TAHAN BERUGAMA DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

6.1 Kepimpinan Negara

Kebijakan pemerintahan KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hasanal Bolkiah merupakan antara faktor yang terbesar dalam menjaga daya tahan berugama di Negara Brunei Darussalam. KDYMM Paduka Seri baginda Sultan sebagai seorang raja yang komited dalam mengamalkan dan menyebarluaskan agama Islam jelas dilihat dalam titah-titah baginda, sikap pemedulian dan prihatin baginda kepada rakyat. Baginda juga sentiasa memastikan pengamalan dan keharmonian hidup beragama di Negara Brunei Darussalam sentiasa berjalan dengan yang baik. Antara perkara yang jelas menunjukkan

keprihatinan baginda terhadap amalan beragama di Brunei adalah seperti pemerkasaan pendidikan Ugama, undang-undang Islam, penutupan semua premis perniagaan ketika sembahyang jumaat, hukum Kanun Jenayah Syariah, membesarkan Hari-Hari Kebesaran Islam seperti Maulidurrasul, Sambutan Isra' Mi'raj dan sebagainya.

6.2 Perlembagaan Negara

Di dalam perlembagaan Brunei Darussalam tahun 1959 bahagian II ceraian 3 (1&2) Islam telah dinyatakan dengan tegas sebagai agama rasmi negara. Butirannya seperti: "Agama rasmi negeri ialah agama Islam menurut Ahli Sunnah wal Jamaah, tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan sempurna oleh mereka yang mengamalkannya."

Ketua agama Negara Brunei adalah sultan yang memerintah. Oleh itu jawatan Sultan, Menteri Besar, Timbalan Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan hanya boleh disandang oleh orang Islam. Perlembagaan ini juga menegaskan kebebasan mengamalkan agama bukan Islam kepada penganut-penganut agama lain. Tidak syak lagi Brunei Darussalam menjamin kebebasan beragama bagi semua penduduknya (Ibrahim 1997:148). Walaubagaimana pun, orang-orang yang tidak beragama Islam sama sekali dilarang mengembangkan agama mereka, hal ini ditekankan sebagai langkah kerajaan untuk menjaga kelangsungan agama Islam sebagai agama rasmi di Brunei Darussalam (Hashim 2003:171).

6.3 MIB (Melayu Islam Beraja)

Falsafah Negara Brunei Darussalam Melayu Islam Beraja (MIB) juga menjadi faktor dalam mempertahankan kehidupan berugama di Negara Brunei Darussalam. Titah KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dalam Sambutan Isra' Miraj pada tahun 2019. Antara petikan titah KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan adalah seperti berikut :

"Beta ingin tegaskan, bahawa Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara yang molek, yang sentiasa mementingkan ibadat kepada Allah. Ia dipandu oleh sistem MIB yang telah pun berjalan sekian lama sejak ratusan tahun lagi. Sistem ini berkewajipan

untuk memelihara dan menjamin semua hak rakyat dan penduduk tanpa mengira puak dan pegangan mereka. Inilah MIB, konsep keramat yang telah berjaya menjelmakan sebuah negara yang adil lagi bahagia, yang hidup didalamnya sebuah komuniti yang bersatu padu.

“Sistem MIB juga telah terbukti amat mesra kepada dunia, sehingga siapa saja yang datang berkunjung ke negara ini akan beroleh pengalaman manis, dapat menikmati suasana aman dan harmoni serta layanan yang sebaik-baiknya.

“Inilah hakikat Brunei, Negara MIB, di mana selain daripada itu, ia bukanlah Brunei.”

Secara kesimpulannya, masyarakat Islam di Brunei Darussalam sudah sebatи dengan MIB. MIB telah banyak menyumbang dalam mengekalkan keharmonian beragama di Negara Brunei Darussalam.

6.4 Aqidah ahli Sunnah wal Jamaah

Negara Brunei Darussalam merupakan sebuah negara yang berpegang teguh kepada falsafah “Melayu Islam Beraja” yang berasaskan kepada agama Islam sebagai agama rasmi negara menurut pegangan Ahli Sunnah Waljama’ah (ASWJ). Kemakmuran yang dikecapi rakyatnya sejak turun temurun di bawah kepimpinan sistem beraja sangat menjamin perpaduan yang berterusan sehingga amalan berugama berlandaskan Aliran Ahli Sunnah Waljama’ah ini menjadi dominan di kalangan masyarakat Islam di Negara Brunei Darussalam. Keutuhan akidah ASWJ dalam kehidupan masyarakat Islam Brunei dan sebagai tunggak bagi semua kegiatan yang menyentuh kepentingan dan pembangunan agama, bangsa dan negara begitu terserlah sehingga begitu sukar untuk digugat apalagi untuk digantikan fahaman-fahaman lain selain ASWJ. Kesungguhan Negara Brunei Darussalam dalam memartabatkan kefahamanan ASWJ begitu terserlah apabila perlembagaan Negara Brunei Darussalam mengkanunkan bahawa agama rasmi bagi Negara Brunei Darussalam ialah agama Islam menurut Ahli Sunnah Wal Jama’ah.¹

¹ Sila lihat Perlembagaan Negeri Brunei 1959 Bab 3 (1).

Dalam titah Pemasyhoran Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam pada 1hb. Januari, 1984 Masihi bersamaan 27hb. Rabiulawal, 1404 Hijriah, perkara tersebut sekali lagi ditegaskan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang antara lain bertitah:

*“ ...Negara Brunei Darussalam adalah dan dengan izin serta limpah kurnia Allah subhanahu wataala, akan untuk selama-lamanya kekal menjadi sebuah Negara **Melayu Islam Beraja** yang Merdeka, Berdaulat dan Demokratik **bersendikan kepada ajaran-ajaran Ugama Islam menurut Ahli Sunnah Wal Jama’ah** dan dengan berasaskan keadilan dan amanah dan kebebasan, dan dengan petunjuk serta keredaan Allah subhanahu wataala...”²*

Kenyataan di atas menunjukkan bahawa agama Islam bukan sahaja menjadi agama rasmi negara, malah pegangan Akidah Ahli Sunnah Wal Jama’ah juga diisytiharkan sebagai pegangan rasmi masyarakat Islam di negara ini selain berpegang kepada Mazhab Imam al-Syafi’e dalam masalah fiqh. Ini bermakna sebarang ajaran atau fahaman yang bertentangan dengan Akidah Ahli Sunnah Wal Jama’ah seperti Syi’ah, Qadiani dan Bahai tidak boleh dibawa masuk dan disebarluaskan ke negara ini. Malah fahaman yang tidak selari dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jama’ah seperti aliran Salafi-Wahabi juga tidak dialu-alukan di Negara Brunei Darussalam.

Tidak dapat dinafikan bahawa iktikad ASWJ yang dipegang oleh masyarakat Islam Brunei sejak turun temurun telah mendatangkan kesan yang positif terhadap amalan berugama di Negara Brunei Darussalam. Justeru, pendekatan dan manhaj ASWJ tetap diperlukan. Ia perlu dipertahankan dan disuburkan menerusi kefahaman yang betul dan tepat untuk menghapus penyelewengan yang boleh menghakisnya bagi menjamin kestabilan rohani, keutuhan masyarakat Islam di Brunei (Norarfan 2017).

² Himpunan Titah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam Di Majlis-Majlis Keagamaan Dan Titah-Titah Yang Berunsur Keagamaan (1967-1996), (Brunei: Pusat Dakwah Islamiah, t.t). hlm. 205.

Jelas menunjukkan bahawa pegangan ASWJ yang digunakan dalam kalangan masyarakat Islam di Negara Brunei Darussalam telah banyak mempengaruhi kehidupan berugama di Negara Brunei Darussalam. Ia merupakan benteng yang kukuh dalam menjaga keharmonian masyarakat. Masyarakat Islam yang harmoni setentunya akan dapat membantu dalam melahirkan masyarakat Islam yang gemilang kerana kesatuan dalam kefahaman beragama dalam masyarakat.

6.5 Kementerian Hal Ehwal Ugama

Peranan Kementerian Hal Ehwal Ugama sebagai institusi ugama yang terbesar di Negara Brunei Darussalam telah banyak menyumbang kepada arah pengamalan, penghayatan kehidupan berugama di Negara Brunei Darussalam. Sesuai dengan misi KHEU iaitu untuk mendukung dan memelihara ugama Islam dan kerasmianya serta memperkembankannya melalui dasar-dasar dan pentadbiran yang berkesan dan dinamik bagi pembangunan dan kesejahteraan Negara berdasarkan hukum Syaria', Perlembagaan, Undang-Undang dan Falsafah Melayu Islam Beraja. Antara strategi dasar KHEU iaitu melalui dakwah dan syiar, masjid, undang-undang dan masjid telah memberikan kesan yang positif terhadap peneguhan aqidah, penghayatan hidup berugama dalam kalangan masyarakat Islam di Negara Brunei Darussalam. Banyak usaha yang telah dijalankan dan program yang telah dan akan dirancang melalui institusi dakwah, masjid dan sebagainya demi untuk mengukuhkan daya tahan berugama di Negara Brunei Darussalam. Bersama merealisasikan visi dan misi KHEU adalah kumpulan-kumpulan belia di bawah KHEU yang dikenali sebagai Program Keugamaan Belia seperti kumpulan belia masjid, belia da'ie, belia muallaf dan sebagainya. Mereka sentiasa bergiat aktif bahkan menyumbangkan tenaga, buah fikiran secara sukarela. Sejak 10 tahun kebelakangan, penghayatan berugama khususnya dari kaum belia semakin jelas kelihatan dan peranan belia semakin terserlah.

Sebagai sebuah kementerian yang berperanan besar dalam menyebarkan agama Islam di Brunei Darussalam, kementerian hendaklah sentiasa proaktif dalam memikirkan strategi dakwah yang berkesan sesuai dengan perkembangan revolusi industri 4.0.

7.0 PENUTUP

Negara Brunei Darussalam melalui liku dan cabarannya tersendiri dalam terus mengamalkan agama Islam sebagai agama rasmi dalam hidup bermasyarakat di Negara Brunei Darussalam. Masyarakat Islam di Negara Brunei Darussalam diberikan ruang yang cukup kondusif dalam mengamalkan agama Islam dalam kehidupan sehari-hari. Ini setentunya dengan berkat kepimpinan KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan sebagai seorang raja yang prihatin dalam penghayatan agama Islam itu sendiri. Namun yang demikian, rakyat di Brunei Darussalam hendaklah juga sama-sama memberikan kerjasama yang jitu dalam usaha meningkatkan daya tahan berugama di Negara Brunei Darussalam. Oleh yang demikian, semua pihak sama ada pihak kerajaan, NGO dan sebagainya berperanan dalam mengekalkan keharmonian beragama di Negara Brunei Darussalam agar terus diberi rahmat dan menjadi *baldatun toyiibatun warabbun ghafur*.

RUJUKAN

Al-Quran

Hashim Hamid. 2003. *Islam di Brunei Darussalam- Satu Analisis Sosio-Budaya*. Brunei: Universiti Brunei Darussalam.

Ibn Kathir. Cimad Al-Din Abu Al-Fida Ismacil. 2008. *Mukhtasar Tafsir Ibn Kathir*. Tahqiq. Muhammad Cali Sabuni. Kaherah: Dar Al-Sabuniy.

Ibrahim Abu Shah. 1997. *Kecemerlangan Tamadun Islam Dalam Menghadapi Cabaran Abad ke 15H/21M*. Kuala Lumpur: Percetakan Smart Print Sdn.Bhd.

Muhammad Haikal Mohd Hedzir & Muhammad Arif Yahya, Pemahaman Konsep Rahmah Dalam Isu Masyarakat Majmuk Di Malaysia: Analisis Pendirian Gerakan Dakwah Ikram Dan Isma. Jurnal Hadhari 10 (2) (2018) 243-257
Ejournals.Ukm.My/Jhadhari Issn 1985-6830 Eissn 2550-2271

Norain Azlan, Kefahaman Konsep Rahmat Dalam Al-Quran: Satu Kajian Terhadap Pelajar Fakulti Pengajian Islam (Fpi), Ukm.

[Https://Www.Researchgate.Net/Publication/323078927_Kefahaman_Konsep_Rahmat_Dalam_Al-Quran_Satu_Kajian_Terhadap_Pelajar_Fakulti_Pengajian_Islam_Fpi_Ukm](https://Www.Researchgate.Net/Publication/323078927_Kefahaman_Konsep_Rahmat_Dalam_Al-Quran_Satu_Kajian_Terhadap_Pelajar_Fakulti_Pengajian_Islam_Fpi_Ukm)

Noorhira binti Hj Kaseh (Datin Dr Hjh). Keharmonian Asas Pembangunan Ummah di Negara Brunei Daruassalam. Kertas Kerja pada Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan (SOM) ke 38, pada 28 –30 Oktober 2013, di Pulau Langkawi, Malaysia

Norarfah bin Hj Zainal (Dr Hj). Peranan Negara Brunei Darussalam dalam mempertahankan Aqidah ahli Sunnah wal Jamaah.

Quthub, Sayyid, Fi Zilal Al-Quran, Juz I, Kairo: Daar Syuruq, 1992.

Yusof Qardhawi (Prof Dr). Ciri-Ciri Unggul Masyarakat Islam yang kita idamkan. Kuala Lumpur: Penerbitan Seribu Dinar Sdn.Bhd.

<https://mediapermata.com.bn/brunei-darussalam-negara-melayu-islam-beraja/>